



Malaysia minta penjelasan EU isu Jerman tak iktiraf Sinovac

Oleh Ahmad Suhael Adnan - Mac 24, 2022 @ 7:27pm
ahmad.suhael@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Malaysia akan mendapatkan penjelasan daripada Kesatuan Eropah (EU) berhubung laporan mengatakan dua rakyat Malaysia diusir dari Jerman kerana negara anggota EU itu tidak mengiktiraf vaksin Sinovac.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, memaklumkan pihaknya akan berhubung dengan Kedutaan EU untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai kejadian itu.

Pada masa sama, beliau memaklumkan, rakyat Malaysia boleh memohon untuk mendapatkan suntikan vaksin tambahan jika perlu, khususnya untuk melawat negara tertentu.

"Saya akan berhubung dengan duta EU untuk mendapatkan penjelasan berkenaan perkara itu. Namun, dalam dasar kita dan ciri MySejahtera, sebenarnya rakyat Malaysia boleh meminta dos tambahan untuk tujuan pengembaraan jika mereka mahu. Mereka boleh minta dan kita akan pertimbangkan.



Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata rakyat Malaysia boleh memohon suntikan vaksin tambahan untuk melawat negara tertentu.

"Namun, dari segi penerimaan Sinovac, tiada masalah di Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat (AS)," katanya pada sidang media, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan media semalam, mengenai dua rakyat Malaysia yang menerima vaksin primer Sinovac dan dos penggalak Pfizer, diusir dari Jerman kerana negara itu tidak mengiktiraf vaksin keluaran syarikat China berkenaan.

Mengulas pengiktirafan sijil vaksinasi dalam MySejahtera, Khairy memaklumkan, EU akan menyenaraikan MySejahtera sebagai antara aplikasi yang diiktiraf negara anggota itu.

"Saya dimaklumkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) semalam, bahawa EU akan menyenaraikan MySejahtera sebagai aplikasi yang diterima oleh sistem yang diguna pakai di EU. Ini akan diumumkan dalam masa terdekat," katanya.



Malaysia akan mendapatkan penjelasan daripada Kesatuan Eropah (EU) berhubung laporan mengatakan dua rakyat Malaysia diusir dari Jerman kerana negara anggota EU itu tidak mengiktiraf vaksin Sinovac. - Foto fail